

Dana khas atasi banjir

SUNGAI BULOH – Kerajaan Selangor akan mengeluarkan dana khas bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Paya Jaras dan Kuang.

Exco Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Dr Hasan Mohamed Ali (*gambar*) berkata, bajet itu hanya akan dikeluarkan selepas pihaknya menerima laporan hasil kajian dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) berhubung bencana yang berlaku minggu lalu.

Katanya, bajet itu dijangka akan diperuntukkan kepada JPS negeri untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan sungai bagi mengelakkan banjir selewat-lewatnya November



akan datang.

“Langkah pembaikan meliputi tiga fasa iaitu jangka pendek, pertengahan dan panjang untuk mengatasi masalah ini,”katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai banjir kilat yang disifatkan sebagai terburuk berlaku

dalam tempoh 10 tahun dikatakan berpunca daripada limpahan air sungai di kawasan terbabit.

“Setakat ini masalah banjir berpunca daripada pembanahan sekeliling, termasuklah hutan-hutan yang telah ditarah ditambah dengan keadaan hujan luar biasa menyebabkan air naik mendadak,”katanya.

Tambahnya, pertemuan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan terlibat termasuk JPS, Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah dibuat dan pihaknya berpuas hati dengan kerjasama diberikan.

“Tumpuan tidak hanya akan diberi di kawasan yang terjejas, sebaliknya ia turut melibatkan masalah yang sama di seluruh Selangor,”katanya.